

# Seminar Finishing School - Melangkah ke Alam Kerjaya

Leoneeta Rozwen Hassan

Satu Seminar Finishing School telah diadakan pada 27 November 2013 bertempat di Bilik Kuliah Utama, SSMP. Seminar yang dikendalikan oleh Prof. Adjunct Dr. Noorhisham Alwi ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai peluang pekerjaan serta teknik dan tips bagi penulisan resume yang baik. Selain itu, etika pemakaian bagi menghadiri temu duga juga diberi penekanan. Seramai 172 orang pelajar telah menghadiri seminar ini yang terdiri daripada pelajar tahun akhir bagi kesemua program serta pelajar tahun 2 Program Perkhidmatan Makanan.

